

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 52)

3 Nov 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO. : 8

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 03 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : DR029

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah semua gading yang disimpan dalam "*stockpile*" Kerajaan akan dimusnahkan seperti yang dijanjikan dan sama ada ia akan dimusnahkan secara terbuka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan PERHILITAN telah merancang untuk memusnahkan semua gading yang disimpan di dalam "*stockpile*" PERHILITAN selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2016. Proses pemusnahan tersebut akan dilakukan secara terbuka dengan menjemput wakil-wakil daripada NGO dan media untuk menyaksikannya.

Sekian, terima kasih.